



AKTIVITI 2017

Badan Kebajikan Islam (BAIS)

Majlis Iftar dan Solat Sunat Terawikh Berjemaah

Majlis ini telah diadakan pada 16 Jun 2017 di Bangunan Wisma Warisan, Arkib Negara Malaysia. Tazkirah telah diadakan selepas solat maghrib dan Solat Sunat Terawikh diadakan selepas Solat Isyak berjemaah.

Program Infaq

Program ini telah diadakan untuk mengadakan program-program lain seperti Ceramah, Tadarus, Majlis Iftar, Tazkirah, Solat Sunat Tasbih dan Moreh.

Ceramah Ihya Ramadhan

Seperti tahun sebelumnya, ceramah Ihya Ramadhan telah mengisi slot tengahari di Auditorium Wisma Warisan telah diadakan. Program ini telah mendapat kerjasama dari JAWI dan JAKIM yang telah menghantar ustaz-ustaz untuk memberikan ceramah beberapa kali dalam bulan Ramadhan.

“Daripada Abu Umamah RA katanya, aku telah mendengar Rasulullah SAW bersabda, “Hendaklah kamu semua membaca al-Qur’an, sesungguhnya al-Qur’an itu akan datang pada hari kiamat memberi syafaat kepada orang yang membaca dan beramal dengan hukum-hakamnya.”

Majlis Khatam Al-Quran

Program Tadarus Al-Quran telah diadakan dan Majlis Khatam telah diadakan pada 15 Jun 2017 di Auditorium Wisma Warisan. Seperti tahun sebelumnya, program tadarus mendapat sambutan yang baik dari warga jabatan.

Ibadah Qurban

Ibadah Qurban telah diadakan pada 4 Sept 2017 di belakang Bangunan Wisma Warisan. Sebanyak dua ekor lembu telah dikorbankan dan diagih-agihkan. Program ini telah dilaksanakan secara gotong-royong.

Kelas Al-Quran dan Tafsir

Bermula tahun 2015, Kelas Pengajian Al-Quran telah diteruskan sehingga Oktober 2017. B AIS telah mengadakan Kelas Tafsir Al-Quran dengan menjemput Ustaz Haji Mohd Yusof Musa Al-Hafiz sebagai tenaga pengajar kepada warga Arkib. Kelas telah diadakan setiap hari Rabu dua minggu sekali kemudiaan telah diadakan setiap minggu pada hari yang sama.

Pelan Khairat Kematian Berkelompok BAIS telah diadakan dengan kerjasama Syarikat Takaful Malaysia.

Bagi tujuan membantu ahli keluarga bagi kos perbelanjaan pengurusan jenazah dan perbelanjaan ahli keluarga bila berlaku kematian keatas ahli atau tanggungan ahli, dan menyediakan peluang kepada ahli untuk sama-sama menyumbang sebagai amalan kebajikan dengan cara membantu saudara seagama yang memerlukan bantuan bila ditimpa musibah kematian, Pelan Khairat Kematian Berkelompok BAIS telah diadakan dengan kerjasama Syarikat Takaful Malaysia. Penyertaan adalah terbuka kepada semua ahli BAIS dan keluarga. Kadar bayaran tertentu mengikut pelan pilihan dikenakan bagi tempoh sekali setahun. Penyertaan telah meningkat pada tahun 2017 bagi tempoh 1 Februari 2017 sehingga 31 Januari 2018 dimana 172 penyertaan diterima yang terdiri dari 78 ahli dan selebihnya adalah ahli keluarga.

Majlis Bacaan Yasin Dan Tahliil Sempena Sambutan Hari Arkib Ke-60

Majlis bacaan Yasin dan Tahliil sempena sambutan Hari Arkib ke-60 telah diadakan pada 30 November 2017 (Khamis) di Auditorium, Wisma Warisan dari jam 11.00 pagi hingga- 12.30 tengahari. Majlis telah dihadiri oleh pegawai dan kakitangan Arkib Negara Malaysia. Majlis ini telah dipimpin oleh Tuan Haji Mohd Nasir Bin Haji Ismail, Ketua Seksyen, Penerbitan dan Percetakan.

Penerbitan dan Pelajaran

Ahli Jawatankuasa Penerbitan dan Pelajaram juga membuat inisiatif sendiri dengan mengadakan program Countdown Ramadan telah diadakan melalui emel warga arkib. Diselitkan juga Tazkirah Ramadan, intipati ceramah Ramadan, lailatulqadar dan perkara-perkara yang berkaitan dengan ibadah puasa. Artikel mengenai Gerhana Bulan dan Matahari dan ibadah-ibadah sunat berkaitan dengannya turut dikongsi kepada semua. Ahli Jawatankuasa juga telah menyebarkan maklumat mengenai buku-buku B AIS di Perpustakaan Jabatan.

